

# Mahathir mahu kaji siasatan terhadap Naib Canselor UM

KUALA LUMPUR 16 Mei  
— Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau perlu mengkaji kedudukan penyiasatan terhadap Naib Canselor Universiti Malaya (UM) sebelum membuat keputusan atau tindakan selanjutnya.

"Kena tengok keadaan dahulu sebelum kita buat apa-apa pun," tambahnya.

Perdana Menteri memberikan reaksi berkenaan ketika ditanya oleh para pemberita sama ada kerajaan akan campur tangan dalam isu penyiasatan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap Naib Canselor tersebut, Syed Hussein Alatas (Reaksi Anwar di muka 2).

Beliau ditemui selepas meraikan skuad badminton Piala Thomas negara, dalam majlis makan tengah hari di Hotel Pan Pacific di sini hari ini.

Apabila diberitahu oleh para pemberita bahawa siasatan terhadap Syed Hussein Alatas itu kini semakin meruncing apabila para pelajar UM mengemukakan memorandum kepada Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim supaya memecat Naib Canselor itu, Perdana Menteri berkata:

"Saya tak tahupun mengenai tindakan itu."

Sebelum ini pihak akhbar telah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar UM akan mengadakan piket di depan pejabat Encik Anwar.

Bagaimanapun piket itu tidak berlangsung. Sebaliknya mereka menyerahkan memorandum sahaja.

Ditanya lagi sama ada BPR telah memberi taklimat kepada beliau mengenai siasatannya itu, Perdana Menteri berkata, badan tersebut tidak perlu berbuat demikian.

Pada 7 Mei lalu, sepasukan pegawai BPR mengambil beberapa barang elektrik dan dokumen daripada kediaman rasmi Syed Hussein di Kampus UM dalam siri siasatan mereka.

Bagaimanapun sehingga kini, BPR belumpun membuat sebarang tuduhan terhadap Naib Canselor itu.